

Raja Muda Perlis Mahu Rakyat Malaysia Di Luar Negara Wujudkan Jaringan Harmoni
Bernama
4 Julai, 2013
Daripada Adnan Jahaya

KUWAIT, 4 Julai (Bernama) -- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail mahu rakyat Malaysia di luar negara bersatu di samping mewujudkan jaringan harmoni dengan masyarakat tempatan.

Baginda bertitah Malaysia akan terus dihormati sekiranya rakyat negara ini tidak bertindak melanggar undang-undang negara lain semata-mata terpengaruh dengan pihak yang berniat tidak baik.

Bertitah ketika melancarkan program 'Liqah' Mawaddah' peringkat Timur Tengah anjuran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) di Regency Hotel di sini malam tadi, baginda berharap rakyat Malaysia mengamalkan semangat "di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung."

Tuanku Syed Faizuddin juga yakin semangat itu akan menjadikan Malaysia terus dihormati dan disanjung selagi mereka tidak cuba mencabar undang-undang negara lain.

Sementara itu, Duta Besar Malaysia ke Kuwait Datuk Adnan Othman dalam ucapannya pada majlis itu, berkata Malaysia dan Kuwait mempunyai hubungan yang cukup akrab dan rakyat Malaysia sewajarnya mengambil kesempatan untuk menerokai peluang baharu perniagaan di negara ini.

Katanya pada masa ini Kuwait adalah rakan perdagangan Malaysia keempat terbesar di kalangan negara-negara teluk dan pada tahun lalu, nilai perdagangan kedua-dua negara adalah sebanyak RM3 bilion.

Beliau berkata pada masa ini pihak kedutaan mendaftarkan 222 rakyat Malaysia yang menetap di Kuwait dan 22 daripadanya adalah pelajar yang mendapat tajaan pengajian daripada kerajaan Kuwait.

Sebelum itu, Mufti Perlis Datuk Mursyid Diraja Dr Juanda Jaya dalam ceramahnya bertajuk 'Wasatiyyah dalam Islam' mengingatkan rakyat Malaysia di Kuwait supaya sentiasa bersikap sederhana dalam sebarang amalan dan tindakan mereka.

Katanya kesederhanaan amat dituntut dalam Islam dan sikap sederhana itu juga akan meletakkan rakyat Malaysia serta agama Islam terus dihormati.

Program Liqa' Mawaddah itu bertujuan mempertemukan rakyat Malaysia bagi menyuburkan ikatan silaturahmi.

Program itu sebelum ini berlangsung di Riyadh pada 30 Jun lalu dan Jeddah pada 1 Julai dengan mendapat sambutan menggalakkan daripada rakyat Malaysia di kedua-dua lokasi itu.

Hadir sama pada majlis itu ialah Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin, Presiden Allianze University College Of Medical Sciences (AUCMS) Datuk Dr Zainuddin Wazir, Rektor Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) Dr Mohd

Mizan Mohamad Aslam dan Presiden Persatuan Rakyat Malaysia di Kuwait Nor Hayati Salim.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=960930>